


**Batu Sapi: SAPP buat keputusan Sabtu ini**  
**Malaysiakini.com**  
**October 14, 2010**

SAPP dijangka memutuskan sama ada parti itu akan bertanding pada pilihan raya kecil Batu Sapi apabila majlis tertingginya bermesyuarat di Kota Kinabalu pada Sabtu ini.



Timbalan presidennya, Eric Majimbun berkata mesyuarat itu akan diadakan di inu pejabat parti bermula 10 pagi.

“Saya fikir selepas itu kita boleh putuskan sama ada untuk bertanding kerusi itu ataupun tidak. Kita tidak akan mengeluarkan sebarang kenyataan kerana pengebumian adalah hari ini dan kita juga perlu tunggu pengumuman Suruhanjaya Pilihan Raya, esok,” katanya di lobi parlimen hari ini.

Kerusi parlimen Batu Sapi kosong berikutan kematian penyandanginya, Edmund Chong Ket Wah dari PBS yang terbunuh dalam kemalangan jalanraya di Kota Kinabalu, Sabtu lalu.

SPR awal minggu ini mengumumkan bahawa mereka akan bermesyuarat di Putrajaya esok bagi menentukan tarikh pilihan raya dan penamaan calon Batu Sapi.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
 Source : <http://www.malaysiakini.com/news/145331>